

**Teks Ucapan Sempena Majlis Perhimpunan Khas dengan seluruh
warga Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 01/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

**SEMPENA PERHIMPUNAN KHAS BERSAMA
SELURUH WARGA KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN
KEBANGSAAN MALAYSIA (NUTP)**

1 OKTOBER 2022 | SABTU | 11.00 PAGI

**PUSAT PAMERAN & KONVENSYEN MATRADE,
MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat bersama-sama

pada Majlis Perhimpunan Khas dengan seluruh warga Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada penganjur kerana sudi mengundang saya dan ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli NUTP dari seluruh negara yang hadir pada majlis yang amat bermakna, yang jelas menggambarkan keutuhan semangat Keluarga Malaysia.

3. Saya gembira semangat Keluarga Malaysia yang diperkenalkan Kerajaan dalam usaha menyatu padukan kita semua telah pun dibuktikan oleh NUTP, sebuah kesatuan sekerja warga perguruan yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan penuh harmoni.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Bidang pendidikan amat penting dalam melahirkan generasi baharu yang seimbang, bukan sahaja rohani tetapi juga jasmani selain mempunyai daya pemikiran yang kreatif, kritis dan berdaya saing seperti mana matlamat Dasar Pendidikan Negara.

5. Namun begitu, pandemik COVID-19 yang berlaku lebih dua tahun lalu telah mengakibatkan perubahan drastik terhadap sistem pendidikan negara apabila sekolah-sekolah terpaksa ditutup, sehingga memberi kesan mendalam kepada murid- murid dan guru-guru serta ibu bapa.

6. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan Kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19 telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), daripada secara bersemuka kepada pembelajaran dari rumah (home-based learning), yang ternyata menunjukkan semua pihak tidak bersedia dengan norma baharu pembelajaran itu.

7. Pelbagai kekangan telah dihadapi oleh murid-murid manakala pihak guru pula berdepan dengan kesuntukan masa untuk menyedia dan menyusun kaedah PdP mengikut kesesuaian guru dan murid termasuk PdP secara dalam talian.

8. Saya juga sedar ramai dalam kalangan guru yang membelanjakan wang poket sendiri bagi memastikan anak-anak murid mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran, tidak kurang juga terpaksa menjadi 'bread winner' atau 'ketua keluarga' apabila suami atau isteri mereka sendiri ada yang turut kehilangan pekerjaan.

9. Saya terharu kerana ada guru-guru yang sanggup mengorbankan masa dan keringat, merangka pembelajaran bersesuaian yang sememangnya di luar norma semasa pandemik COVID-19 demi memastikan anak-anak Keluarga Malaysia mendapat pendidikan yang sesempurna mungkin.

10. Ketahuilah, Kerajaan amat menghargai pengorbanan semua guru, dan di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas komitmen yang padu diberikan kepada profesion anda. Sesungguhnya tanpa guru,

saya juga tidak mungkin berada di sini, di hadapan warga NUTP sekalian hari ini. Syabas dan tahniah diucapkan!

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

11. Masa depan negara terletak di tangan generasi muda yang menerima didikan guru-guru yang memikul tanggungjawab untuk melahirkan warga Keluarga Malaysia yang kreatif, inovatif sehingga mampu bersaing di pentas dunia.

12. Oleh itu, saya berharap agar guru-guru terus memainkan peranan yang diberikan dengan berkesan walaupun berdepan pelbagai cabaran, yang adakala membuat guru-guru berasa lelah dan kecewa seolah-olah usaha mereka tidak disokong serta dihargai.

13. Pada masa sama, saya menyeru kepada semua ibu bapa supaya sentiasa memberikan kerjasama kepada guru dan pihak sekolah dalam menjayakan usaha mereka meningkatkan pencapaian akademik atau kokurikulum anak-anak.

14. Sewajarnya, ibu bapa menggunakan saluran yang betul untuk mengatasi sebarang masalah berbangkit, sekali gus membantu menaikkan semangat dan motivasi guru-guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

15. Kerajaan sentiasa mengambil serius kebajikan setiap ahli Keluarga Malaysia bagi memastikan tiada siapa yang dipinggirkan, termasuk guru-guru sebagai pendidik bangsa dan negara.

16. Saya telah meneliti rayuan NUTP agar guru-guru Gred DG 41 hingga gred DG 54 dibenarkan menganggotai kesatuan sekerja asalkan mereka bukan pentadbir sekolah atau institusi pendidikan serta Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan.

17. Setelah melakukan penelitian dan pertimbangan secara serius, Kerajaan pada 14 Jun lalu secara rasmi telah memberikan kebenaran kepada guru-guru untuk berbuat demikian sambil turut menikmati manfaat sebagai ahli kesatuan.

18. Pada 31 Ogos lalu, ketika Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-18, saya juga telah mengumumkan satu insentif yang eksklusif untuk guru-guru iaitu tambahan kadar Cuti Rehat Khas sebanyak lima hari bagi mereka yang berkhidmat melebihi 10 tahun, menjadikan keseluruhan Cuti Rehat Khas guru-guru sebanyak 15 hari setahun.

19. Saya difahamkan bahawa saranan peningkatan jumlah Cuti Rehat Khas guru-guru ini juga adalah antara agenda penting dalam perjuangan NUTP

semasa Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

20. Kerajaan memandang serius dengan isu buli dan untuk menanganinya, Jawatankuasa Khas Bagi Meneliti dan Menambah baik Prosedur Kes Gangguan Seksual dan Buli di Institusi Pendidikan, di bawah Kementerian Pendidikan telah ditubuhkan.

21. Jawatankuasa Khas ini yang dianggotai lapan tokoh dan pakar berpengalaman termasuklah Presiden NUTP Malaysia sendiri, akan meneliti dokumen berkaitan prosedur pengendalian kes buli dan gangguan seksual serta mengenal pasti dan menentukan cadangan tadbir urus yang bersesuaian.

22. Selain itu, Jawatankuasa Khas ini juga akan mengesyorkan tindakan dan penambahbaikan yang boleh diambil oleh Kementerian Pendidikan dengan laporan dan perakuan dikemukakan kepada YB Menteri Kanan Pendidikan pada bulan Disember 2022.

23. Selain itu, saya turut memberi perhatian terhadap isu-isu yang melibatkan guru-guru termasuk isu kadar bayaran Pengawas Peperiksaan Awam dan juga kadar bayaran Pemeriksa Kertas Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tidak setimpal dengan keadaan semasa.

24. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang berusaha mengatasi pelbagai isu yang membelenggu pendidikan negara seperti penyelenggaraan sekolah-sekolah bagi menjaga aspek keselamatan, elaun penolong kanan sekolah yang perlu dikaji semula dan kekurangan guru yang harus diatasi segera.

25. Kerajaan juga menyedari terdapat lima juta murid di 10,250 buah sekolah memerlukan kemudahan ICT yang terkini selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

26. Kerajaan melalui KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem secara menyeluruh bagi memastikan tugas guru dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan efisien.

27. Saya juga telah menerima cadangan-cadangan daripada NUTP untuk menyelesaikan isu guru-guru dan pegawai- pegawai pendidikan. Antaranya berhubung Gred Guru Besar di sekolah rendah hanya dihadkan kepada Gred DG48 dan Guru Penolong Kanan pada Gred 44.

28. Keluh kesah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sentiasa didengari oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah meneliti permohonan NUTP dan dengan sukacitanya saya mengumumkan:

Pertama: Guru Besar Gred DG48 (Khas Untuk Penyandang) tidak diturunkan sebagai Guru Penolong Kanan atau Guru Biasa di Sekolah Rendah apabila dinaikkan pangkat ke Gred DG52 dan DG54 secara time based Berasaskan Kecemerlangan (TTBK).

Gred Guru Besar dan Guru Penolong Kanan di sekolah rendah ditingkatkan sehingga ke gred maksimum DG54.

Pelaksanaan ini akan menaik taraf gred hakiki bagi jawatan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan serta membolehkan mereka yang telah dinaikkan pangkat ke gred lebih tinggi, kekal di jawatan tersebut sehingga Gred DG54.

KPM juga sedang mengkaji struktur perjawatan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Sekolah Rendah melalui cadangan Model Sekolah dengan penetapan gred fleksi sehingga DG54 bagi memastikan kedudukan pentadbir sekolah sentiasa terpelihara, di samping mengekalkan keharmonian dalam kalangan warga sekolah.

Kedua: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG48, diberi peluang untuk dilantik sebagai Guru Penolong di Sekolah Rendah. Justeru, Guru Penolong Kanan di sekolah rendah, tidak hanya terhad kepada Gred DG44 sahaja.

Selaras dengan keputusan pertama, Guru Penolong Kanan yang telah dinaikkan pangkat gred yang lebih tinggi, kekal di jawatan tersebut sehingga Gred DG54.

Ketiga: Laluan kerjaya Guru Cemerlang di sekolah rendah diperluas sehingga ke Gred DG52 dan DG54. Ini kerana 90.68 peratus guru sekolah rendah telah pun berada di Gred Siswazah.

29. Peningkatan gred jawatan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan ini akan memberi faedah secara langsung kepada seramai 2,047 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di seluruh negara.

30. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang telah mendidik dan membuka dunia melalui ilmu pengetahuan yang diberikan.

31. Kerajaan serta seluruh Keluarga Malaysia amat memahami dan menghargai jasa serta semangat juang tinggi guru-guru demi melahirkan insan-insan yang berjaya dalam pelbagai aspek kehidupan.

32. Kekalkan momentum kecemerlangan. Guru Malaysia, Guru Terbaik.

33. Sekian, saya sudahi ucapan saya dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-perhimpunan-khas-dengan-seluruh-warga-kesatuan-perkhidmatan-perguruan-kebangsaan-nutp/>